



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

30 OKTOBER 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU : BAJET 2018

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	30 OKTOBER 2017 (ISNIN)	SINAR HARIAN Bajet 2018 beri harapan cerah untuk TVET MALAYSIA KINI Pinjaman maksimum pelajar keluarga B40 dinaik kepada RM200 juta THE SUN DAILY RM4.9b allocation to empower TVET: Riot	MENTERI KSM TIMB. MENTERI KSM PTPTN

AKHBAR : SINAR HARIAN

Bajet 2018 beri harapan cerah untuk TVET



Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Mutalib

KUALA LUMPUR - Kesungguhan kerajaan memperkasakan industri teknikal dan vokasional dalam menjayakan Transformasi Nasional 2050 (TN50) terus dibuktikan dengan peruntukan RM4.9 bilion melalui Kementerian Sumber Manusia untuk program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Bajet 2018, hari ini. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Mutalib berkata, peruntukan besar itu jelas menunjukkan kerajaan cukup serius untuk menjadi TVET sebagai salah satu pemacu utama dalam merealisasikan TN50.

Menurutnya, peruntukan berjumlah RM4.9 bilion bagi memperkukuhkan penjenamaan TVET Malaysia di bawah koordinasi kementerian pasti akan menjana satu transformasi dalam penyediaan latihan teknikal dan vokasional kepada golongan belia di negara ini. "Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Datuk Seri Najib kerana memberikan satu peruntukan yang besar dalam menjayakan TVET.

"Insyaa-ALLAH saya percaya jumlah peruntukan RM4.9 bilion ini mampu menjadi satu pemacu asas kerana memperkasakan TVET demi merealisasikan aspirasi TN50," katanya. Sementara itu, Ismail berkata, beliau harapan Perdana Menteri yang meletakkan sasaran 3.3 juta peluang pekerjaan menjelang 2020 akan mampu dicapai dengan pelbagai usaha yang telah dan bakal dilaksanakan Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama sektor awam dan swasta.

Katanya, sasaran itu tidak mustahil untuk dicapai kerana sehingga setakat ini ia sudah mencecah angka 69 peratus dengan 2.26 juta peluang kerjaya telah diwujudkan. "Insya-ALLAH dengan berkat usaha dan kesungguhan daripada semua pihak terutamanya sokongan kerajaan, angka 3.3 juta peluang kerja yang disasarkan Perdana Menteri dapat dipenuhi," katanya.

AKHBAR : MALAYSIA KINI

Pinjaman maksimum pelajar keluarga B40 dinaik kepada RM200 juta

BAJET 2018 Kerajaan hari ini mengumumkan kelonggaran tambahan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan menaikkan jumlah pinjaman maksimum sebanyak RM200 juta kepada pelajar dari keluarga kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) yang mengikuti kursus berkebolehpasaran tinggi. Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata tempoh 'grace period' pembayaran balik pinjaman turut dilanjutkan kepada 12 bulan setelah tamat pengajian berbanding enam bulan pada masa kini.

"Seterusnya, kepada para peminjam yang ingin menyambung pengajian ke peringkat seterusnya, sebagai contoh diploma ke ijazah sarjana muda, mereka boleh menggabungkan pinjaman diploma dan ijazah sebagai satu pinjaman, dan hanya perlu membuat bayaran balik selepas tamat di peringkat ijazah itu. "Jelas sekali, pelbagai ruang telah kerajaan berikan, kalau tak bayar juga, tak tahulah apa yang kita nak ucapkan lagi," kata Najib yang juga menteri kewangan ketika membentangkan Bajet 2018 di Dewan Rakyat.

Dalam Bajet 2018 bertemakan 'Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50)' itu, Najib turut mengumumkan sejumlah RM250 juta kepada 500,000 pencarum berumur tujuh hingga 12 tahun dalam Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia (SSP1M) kelolaan PTPTN. Pada pembentangan Bajet 2017, kerajaan mengumumkan diskaun bayaran balik PTPTN iaitu 15 peratus untuk penyelesaian penuh keseluruhan baki hutang pinjaman, 10 peratus untuk bayaran sekurang-kurang 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran, manakala diskaun 10 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau 'Direct Debit' mengikut Jadual Bayaran Balik (JBB) ditetapkan.

Menerangkan lanjut mengenai insentif galakan budaya menabung itu, Najib berkata geran sepadan RM500 akan diberikan kepada mereka yang mempunyai jumlah caruman sekurang-kurangnya RM500 yang hanya boleh dikeluarkan apabila mencapai usia 18 tahun. Selain itu, katanya lagi, kerajaan juga akan melanjutkan tempoh pelepasan cukai pendapatan individu terhad kepada RM6,000 bagi simpanan bersih yang dibuat ke dalam SSP1M selama tiga tahun mulai 2018.

Sementara itu menyedari kepentingan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau TVET dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing, Najib berkata kesemua institusi TVET di bawah tujuh Kementerian, dijenamakan sebagai 'TVET Malaysia', di bawah koordinasi Kementerian Sumber Manusia. Beliau menarik perhatian, selain itu, Kerajaan turut memperuntukkan sebanyak RM4.9 bilion ringgit untuk melaksanakan Pelan Induk TVET Malaysia.

Bagi menggalakkan lepasan TVET melanjutkan pengajian, perdana menteri berkata Kerajaan menyediakan seratus Biasiswa Pelajar Cemerlang TVET dengan peruntukan RM 4.5 juta ringgit. Najib menjelaskan, bagi menyokong perkembangan industri pekerja mahir dalam bidang rel, Kerajaan akan menubuhkan National Rail Centre of Excellence yang berperanan menyelia dan menyelaras jaminan kualiti serta akreditasi pendidikan dan latihan rel negara. "Sebagai tambahan, syarikat Malaysia Rail Link Sdn. Bhd dengan kerjasama IPTA, akan melatih 3, 000 profesional dalam industri ini," tambahnya,

AKHBAR : THE SUN DAILY

RM4.9b allocation to empower TVET: Riot

KUCHING: The RM4.9 billion allocation for Technical and Vocational Education Training (TVET) institutions in the country as announced in 2018 Budget shows the government's seriousness in producing more skilled youth. Human Resource Minister Datuk Seri Richard Riot Jaem said the allocation was in line with the government's vision and mission to produce 60% of the diploma-level technical and vocational graduates. "In the coming years, TVET's skilled workforce is a requirement for Malaysia to become a high-income nation. The Prime Minister's announcement of RM4.9 billion allocation is aimed at empowering and to uplift the TVET skills and must be take seriously by the youth," he said at the closing ceremony of Worldskills Malaysia Sarawak Competition 2017 at Borneo Convention Centre Kuching (BCKK), here today. Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg closed the competition that saw 209 youths nationwide participating in 11 fields, from Aug 19 to Sept 24 (qualifying round) and from Oct 25 to 29 (final). Riot hopes the inaugural competition would produce state representatives for competitions at regional and international level namely the Asean Skills Competition in Bangkok, Thailand in 2018, and the Worldskills Competition in Kazan, Russia in 2019.

ISU : PEMBANTU RUMAH

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	30 OKTOBER 2017 (ISNIN)	UTUSAN MALAYSIA Jimat kos hingga 50 peratus SINAR HARIAN Jimat 50% kos ambil amah DAILY EXPRESS Govt to allow direct hiring of maids from nine countries	TPM PERKESO

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

Jimat kos hingga 50 peratus

BAGAN DATUK - Pengambilan terus pembantu rumah warga asing dari sembilan buah negara sumber melalui permohonan dalam talian dapat membantu majikan menjimatkan kos sehingga 50 peratus. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, ketika ini majikan terpaksa membayar antara RM12,000 sehingga RM18,000 untuk mendapatkan seorang pembantu rumah.

Beliau berkata, kaedah baharu yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Bajet 2018 semalam itu juga membolehkan bakal majikan terlibat pergi sendiri ke negara sumber untuk mendapatkan pembantu rumah masing-masing. "Melalui kaedah permohonan ini ketua isi keluarga yang mahukan pembantu rumah boleh membuat permohonan terus dalam talian dari sembilan negara sumber seperti Indonesia, Filipina, Myanmar, Vietnam dan Bangladesh.

"Selain pergi sendiri ke negara berkenaan, mereka juga boleh menggunakan pihak yang selama ini membekalkan pembantu rumah asing untuk di bawa ke Malaysia dengan terlebih dahulu memohon pas lawatan sosial yang sah laku dalam tempoh 30 hari. "Dalam tempoh ini, majikan boleh membuat permohonan dalam talian untuk pas lawatan sosial jangka panjang. Ia membolehkan pekerja

diberikan pas lawatan kerja sementara," katanya selepas merasmikan upacara pecah tanah Projek Jambatan Bagan Datuk ke Kampung Sejagop, Daerah Perak Tengah di Ladang Stratmasi, di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir dan Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin. Ahmad Zahid berkata, kaedah baharu pengambilan pembantu rumah warga asing itu akan dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia bersama Kementerian Dalam Negeri. Katanya, sistem baharu itu sebagai keprihatinan kerajaan kepada rakyat terutama kakitangan awam dan swasta yang amat memerlukan pembantu rumah dalam membantu menguruskan rumah mereka.

"Ada dalam kalangan pembantu rumah asing ini bertukar tangan kepada dua hingga tiga majikan setahun dan ia tidak adil kepada majikan yang mengambil pembantu rumah asing beberapa kali dalam setahun. "Misalnya setiap kali mengambil pembantu rumah asing, majikan perlu menanggung kos RM18,000 jadi bayangkan mereka yang tukar amah empat kali setahun menanggung kos hampir RM80,000. "Kos berkenaan sudah tentu melebihi daripada pendapatan setahun kakitangan awam dan swasta yang terlibat," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

Jimat 50% kos ambil amah

BAGAN DATUK - Pengambilan terus pembantu rumah asing daripada sembilan negara sumber melalui permohonan atas talian dapat membantu majikan menjimatkan kos sehingga 50 peratus. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, buat masa ini kos mengambil seorang pembantu rumah adalah sekitar RM12,000 sehingga RM18,000 yang mana dilihat membebaskan majikan.

"Malah ada dalam.kalangan pembantu rumah asing ini bertukar tangan kepada dua hingga tiga majikan setahun dan ia tidak adil kepada majikan yang mengambil pembantu rumah asing beberapa kali dalam setahun. "Misalnya setiap kali mengambil pembantu rumah asing majikan perlu menanggung kos RM18,000 jadi bayangkan mereka yang tukar amah empat kali setahun menanggung kos hampir RM80,000," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media Majlis Pecah Tanah Projek Membina Jambatan Bagan Datuk ke Kampung Sejagop Daerah Perak Tengah di Ladang Stratmasi, di sini semalam.Katanya, kos berkenaan sudah tentu melebihi daripada pendapatan setahun kakitangan awam dan swasta yang amat memerlukan pembantu rumah dalam menguruskan rumah mereka.

"Kerana keprihatinan itulah kita mengambil kepedulian terhadap pembantu rumah asing dalam mesyuarat pra belanjawan sebelum dibentangkan oleh perdana menteri," katanya. Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Abdul Razak dalam pembentangan Bajet 2018 mengenai kaedah baharu tersebut akan dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN).

"Kaedah ini membolehkan bakal majikan atau ketua isi keluarga memohon terus melalui permohonan atas talian dari sembilan negara sumber yang selama ini membekalkan pembantu rumah asing. "Malah majikan juga boleh pergi ke negara berkenaan melalui dua cara sama ada mencari sendiri pembantu rumah atau menggunakan pihak yang selama ini membekalkan pembantu rumah asing untuk di bawa ke Malaysia," katanya.

Menurutnya, pembantu rumah asing juga boleh dibawa masuk dengan menggunakan pas lawatan sosial yang mempunyai tempoh sah laku selama 30 hari. "Dalam tempoh berkenaan majikan akan memohon melalui permohonan atas talian bagi memohon pas lawatan sosial jangka panjang untuk membolehkan pekerja diberi Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS)," katanya.

Govt to allow direct hiring of maids from nine countries

THE Government will allow employers to hire foreign domestic helpers directly from nine selected countries without going through an agent. Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak said employers could also apply for foreign domestic helpers' visa via online from the Immigration Department of Malaysia at the current levy and processing fees. "The Government is aware of the high cost incurred by households in hiring foreign domestic helpers, which could reach as high as RM12,000 to RM18,000," he said when tabling Budget 2018 Friday. Najib, who is also Finance Minister, said the Government would review the cost of hiring foreign domestic helpers, with a view of reducing it in future.

Meanwhile, the Government also announced 2018 as 'Women Empowerment Year', to be accompanied with a number of initiatives. One is to ensure participation of at least 30 per cent of women as board of directors in government-linked companies (GLCs) and government-linked investment companies (GLICs) as well as statutory bodies by end-2018. "Secondly, proposed increase from 60 days to 90 days maternity leave for the private sector as implemented by the public sector," he said. The Prime Minister said RM20 million would be allocated for women's training and entrepreneurship programmes such as the PEAK Entrepreneur Programme under MyWin Academy. "To encourage women to return to the workforce, the Government proposes that their earnings on maximum of 12 months consecutive salary be given personal income tax exemption.

"The incentive is available for women who return to the workforce between the year of assessment 2018 to 2020," said Najib. The Prime Minister also announced an allocation of RM1.7 billion for the welfare of senior citizens, differently-abled persons (OKU) and children. He said the allowance for senior citizens would be increased by RM50 to RM350 per month, benefiting almost 144,000 recipients involving RM603 million. The allowance for working and unemployed OKU as well as caretakers of OKU would also be increased by RM50 per month, benefiting 163,000 recipients involving an allocation of RM100 million.

Meanwhile, employers who hire individuals who had suffered critical illnesses or accidents but have been certified fit to work by the Social Security Organisation (Perkeso)'s Medical Board would be eligible for additional tax deductions. The local authorities have also made it mandatory for all office buildings to provide child care centres beginning in Kuala Lumpur.

ISU : WorldSkills Malaysia Sarawak 2017

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	30 OKTOBER 2017 (ISNIN)	BORNEO POST Innovation the way forward	MENTERI KSM

AKHBAR : BORNEO POST

Innovation the way forward



Abang Johari (fourth left) and Riot (fifth right) share some light moments after the closing ceremony gimmick. Manyin is seen at third left.

KUCHING : Sarawakians have been challenged to come up with a harvester to reduce the dependence on manpower in oil palm estates. Speaking at the closing of the three-day WorldSkills Malaysia Sarawak 2017 at Borneo Convention Centre Kuching here yesterday, Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg encouraged Sarawakians to be innovative and embrace artificial intelligence (AI) in coming up with a tool to harvest oil palm fruits due to the perennial shortage of labour. "I am willing to fund the research on oil palm harvester because oil palm is one of our main industries.

"We need to pluck oil palm fruits and AI, through signal, can help achieve this. If the fruits are not ripe, red signal is sent; if the fruits are semi ripe, yellow signal is sent; if the fruits are ripe, pluck," he said. The challenge was specifically issued to the Swinburne University of Technology Sarawak and Melbourne campuses. "I challenge Swinburne in Sarawak and in Melbourne to create it (harvester) to pluck oil palm fruits. Because of issues pertaining to workers, we have to find alternative solution," he said. Earlier, he said what mattered to Sarawak would be promoting the culture of innovation among its people in order to move the state forward.

Citing the excavator as an example, he said the idea originated from a hoe as the creator merely extended the arm of the hoe on top of a lorry. In the same way, he believed that Sarawakians could do the state proud by coming up with an oil palm harvester to solve the lack of manpower in the industry once and for all. In this respect, technical and vocational education training (Tvet) plays a key role in producing highly skilled individuals in the state, he added. He said the state government would introduce a new bill in the State Legislative Assembly (DUN) next month to pave way for the setting-up of a research council to coordinate the implementation of various policies between scientists and government agencies.

The Chief Minister said his administration also aspired to set up more innovation hubs throughout the state to digitise the economy. As of yesterday, he said Kuching and Sarikei already had their respective innovation hubs while Betong would soon have one. "And we will extend it to Miri, Bintulu, Limbang and Lawas," he said, and hoped that Sarawakians would make full use of those facilities to

develop innovative products. He also expressed appreciation to Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak for allocating RM1 billion in Budget 2018 for Sarawak and Sabah to enhance Internet facilities, increasing the total fund for Internet infrastructure development in Sarawak to RM1.5 billion. Prior to the tabling of the national budget on Friday, Abang Johari had set aside RM1 billion from the state's coffers to, among others, build more telecommunication towers across Sarawak.

At the event, he presented the Chief Minister's Golden Hand Award to Zacchaeus Labang Unyuk from the National Youth Skills Institute Miri. Zacchaeus, who also emerged champion in the automobile technology category, walked away with a total of RM8,000, medals and certificates. Among those present were Human Resources Minister Datuk Seri Richard Riot Jaem and Minister of Education, Science and Technological Research Dato Sri Michael Manyin Jawong.